

Peniaga kena bijak pasang strategi elak cetus konflik

Baru-baru ini, dunia perniagaan dihidangkan dengan paparan video berdurasi 16 saat yang memperlihatkan adegan pergaduhan kecil pelanggan fanatik tudung keluaran sebuah syarikat. Rentetan penyebaran video itu, pengeluarannya menerima kecaman daripada pengguna laman sosial termasuk dalam kalangan selebriti.

Antara yang dikatakan adalah supaya pihak pengurusan berusaha menyelesaikan soal ini dengan cara pengagihan yang teliti selain pemilik syarikat bertanggungjawab dalam apa yang dijual, apa yang diuruskan dan apa dipaparkan.

**“
Dalam hal ini,
semua pihak
perlu
mempunyai
kesedaran
tinggi supaya
sentiasa
menjaga adab
dan perilaku
walau di mana
dan dengan
siapa pun
mereka
berada”**

Dalam insiden itu, ada wanita yang kelihatan menjerit dan meraung untuk merebut nombor giliran. Malah, ada babak lelaki dan wanita berhimpit, bersesak dan bertolak-tolak sesama mereka tanpa rasa malu hanya untuk mendapatkan nombor giliran.

Jaga adab di khalayak

Dalam hal ini, semua pihak perlu mempunyai kesedaran tinggi supaya sentiasa menjaga adab dan perilaku walau di

mana dan dengan siapa pun mereka berada. Hal sebegini, sedikit sebanyak boleh menjejaskan nama dan imej Islam, selaku agama yang menerapkan nilai perdamaian dan kesejahteraan.

Justeru, setiap individu perlu mempunyai sikap toleransi, di mana seseorang menghargai atau menghormati tindakan dilakukan oleh orang lain. Ia perlu dipupuk sejak awal lagi, demi mencipta sebuah kerukunan hidup yang lebih bermakna.

Tahun lalu, beberapa akhbar melaporkan kes rusuhan di Plaza Low Yatt. Ketegangan ini berlaku apabila dua kumpulan pemuda bertindak merusuh di kawasan pusat beli-belah itu dengan tujuan membantah penipuan penjualan telefon bimbit yang berlaku di sana.

Semua peniaga harus bijak meneladani pelanggan mereka, menghargai dan melayan pelanggan dengan sebaiknya. Jelas sekali, peniaga memainkan peranan penting dalam urusan jual dan beli yang berlaku antara pihak mereka dan pelanggan. Semua peniaga hendaklah menimbang baik setiap aspek dan kesan sesuatu strategi perniagaan supaya tidak menimbulkan masalah yang boleh menyusahkan diri dan orang lain.